

Tahun ini secara rasminya genaplah usia PERDASAMA selama 19 penubuhannya. Pelbagai rencah dan rintangan yang telah kami lalui selaku AJK terawal PERDASAMA. Daripada menumpang pejabat orang hingga kini mempunyai pejabat di Jalan Ledang yang amat selesa untuk para sekretariat menjalankan tugas-tugas demi membantu masyarakat pedagang dan pengusaha di Malaysia.

Bercerita mengenai sejarah PERDASAMA, pastinya generasi baru PERDASAMA hari ini ramai yang tidak tahu perih jerih kami untuk menghidupkan sebuah NGO yang memperjuangkan nasib peniaga Melayu di Malaysia khususnya. Jika kaum lain sudahpun mempunyai persatuan mereka sendiri ketika itu dan kita baru hendak bertapak, namun tiada istilah terlewat untuk kita. Hari ini PERDASAMA membuktikan bahawa kesepakatan itu pastinya membawa berkat. Bukan sahaja dinikmati oleh ahli PERDASAMA malahan juga untuk seluruh warga peniaga dan pedagang di sini. Syabas dan tahniah buat PERDASAMA.

Tidak dilupakan, bersempena sambutan penyatuan negara ASEAN yang ke 50, PERDASAMA sebuah badan NGO yang sudah matang pada usianya, akan menyokong setiap usaha yang dilakukan oleh pertubuhan ASEAN demi membantu meningkatkan ekonomi serantau. Bertepatan dengan ulang tahun penubuhan ASEAN ke 50 juga, PERDASAMA telah mengadakan satu program bertajuk 'Exploreasean: Opportunities and The Way Forward dengan kerjasama ISIS dan disokong oleh MATRADE. Dengan mengadakan program sebegini, apa yang kita harapkan adalah ahli-ahli PERDASAMA itu sendiri dapat menikmati manfaat daripada program ini untuk melebarkan sayap perniagaan di semua negara ASEAN.

Selain itu, kita juga sedang membina hubungan yang erat dengan negara-negara antarabangsa yang lain dan ia juga adalah untuk kepentingan ekonomi negara. Segala tohmahan nagetif yang dilemparkan kepada pemimpin negara haruslah dielakkan. Ini kerana setiap apa yang dilakukannya adalah untuk kepentingan rakyat jelata. Kata-kata yang tidak berfakta seharusnya kita rakyat Malaysia tidak cuba menyebarkan demi kepentingan dan keamanan semua.

Selain hubungan erat antarabangsa, kita dalam negara juga perlu sentiasa menjaga keharmonian dan keamanan sesama kita. Tragedi yang berlaku ke atas rakyat Rohingya harus kita ambil sebagai satu iktibar. Hanya kerana perbezaan fahaman agama yang tidak ditangani dengan baik oleh pemimpin negara menjadikan mereka mangsa penganiayaan di bumi sendiri. Kita perlu letakkan ini sebagai satu pengajaran.

Selain itu, selaku Presiden PERDASAMA yang cukup lama memegang tampuk pemerintahan selama 19 tahun, saya tiada lain hanya ingin memberikan pesanan kepada semua agar terus menjaga pertubuhan ini dengan begitu baik sekali. Pada pertimbangan saya, sudah tiba masanya untuk Tan Sri Matshah Safuan ke hadapan menerajui pertubuhan dan seterusnya diikuti oleh AJK yang lain demi mengekalkan perpaduan yang kian lama sudah wujud dalam PERDASAMA itu sendiri.

Oleh itu, akhir kata dari saya, teruskan kita berjuang selagi hayat dikandung badan kerana tiga perkara yang akan dibawa kelak iaitu ilmu yang dimanfaatkan, doa anak yang soleh dan juga sedekah amal jariah.

Sekian Wassalam.